

Kerajaan Tidak Akan Tarik Kebebasan Bersuara Di Media Sosial - Najib Bernama
Sept 5, 2014

JERLUN, 5 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak akan menarik kebebasan bersuara di media sosial tetapi mahu kebebasan itu dilakukan dengan prinsip kebertanggungjawaban, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata kerajaan mengamalkan sikap keterbukaan tetapi menjadi tanggungjawab rakyat terutama generasi muda atau Gen Y supaya mengetahui bahawa setiap kebebasan itu ada batasnya.

"Saya nak beri amaran, sesiapa cuba menggugat keamanan, undang-undang sedia ada akan digunakan. Perkara ini memang dikuatkuasakan," katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Jerlun di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu di sini pada Jumaat.

Katanya Akta Hasutan akan dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Keharmonian tetapi perkara berkaitan agama dan bangsa tidak akan diabaikan.

Najib berkata dalam melaksanakan perkara yang baharu termasuk undang-undang serta tindakan yang bersifat terbuka, pihaknya mengambil kira banyak pandangan sebelum melaksanakannya.

"Kita bincang dan minta pandangan termasuk daripada ahli MT (Majlis Tertinggi Umno), parti komponen, orang awam pelbagai bangsa. Kita tak pakai (pendapat) Bar council sahaja.

"Kita cari konsensus nasional...kalau dapat konsensus nasional barulah kita buat keputusan. Orang kata lama sangat tapi bagi saya biar lama asalkan selamat. Inilah cara kita mentadbir negara...langkah ke hadapan," katanya.

Perdana Menteri berkata sebagai pemimpin, beliau senang hati apabila ada pendapat diberikan kepadanya.

"Saya ditegur tak apa...asalkan teguran dibuat tak jejas kepentingan parti, negara. Kita boleh betulkan keadaan ini. Sebab tak ada manusia atau pemimpin yang tak ada kelemahan, kesilapan. Kerajaan tidak ada monopoli atas kebijaksanaan...era itu dah habis, kita kongsi pendapat," katanya.

Najib berkata pelbagai isu yang melanda negara mutakhir ini merupakan ujian Allah SWT kepada negara ini bagi melakukan yang lebih baik pada masa hadapan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1066268>